

CERAMAH ADAT

"DI MANA BUMI DI PIJAK
DI SITU LANGGIT DIJUNGJUNG"
(Menenal & Membina Keprihatinan
terhadap Adat Papatih)

TARIKH : 10HB JUN 2002

DI SAMPAIKAN
OLEH

PROF. DATO' DR. SHAMSUL
AMRI BIN BAHARUDIN
INSTITUT ALAM & TAMADUN MELAYU (ATMA)
UKM BANGI

DI MANA BUMI DIPIJAK, DISITU LANGIT DIJUNJUNG: MENGENAL DAN MEMBINA KEPRIHATINAN TERHADAP ADAT PERPATIH

*Prof. Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin**
Universiti Kebangsaan Malaysia

Satu kertaskerja untuk Ceramah Adat: Penghayatan Nilai-Nilai Adat Pepatih
Melalui Pendidikan, 10 Jun 2002, Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Pendahuluan: Tak kenal, maka tak cinta

Sebagai seorang ahli antropologi yang selama lebih kurang 25 tahun hidup menumpukan perhatian ilmiah dan bukan ilmiah mengkaji 'manusia, masyarakat dan budaya' di Malaysia dan luar Malaysia, saya merasa gembira apabila diundang untuk membincangkan tajuk ini. Kerana dalam menjalankan penyelidikan bercorak antropologi yang telah saya amalkan untuk sekian lamanya adalah diwajibkan untuk tinggal menetap di sesuatu perkampungan atau kawasan bagi tempuh waktu tertentu, daripada sekurang-kurangnya sebulan sehingga 36 bulan. Penyelidikan itu dipanggil 'kerjalapangan' atau *fieldwork*. Ini dianggap teknik terpenting dalam bidang pengajian antropologi untuk mendekati dan menghayati serta membina keprihatinan sebaik mungkin tentang masyarakat yang ingin dikaji. Bak kata pepatah, kalau kita tak kenal sesuatu manalah kita nak mencintai sesuatu.

* Prof. Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin, BA,MA(Malaya), PhD(Monash, Australia) adalah anak watan Jempol, dilahir dan bersekolah awalnya di sana. Kini beliau adalah Profesor Antropologi Sosial dan pernah menjadi Dekan, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (FSKK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Semenjak April 1999 telah dilantik menjadi Pengarah, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), juga di UKM. Beliau pernah menjadi Ahli, Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia dan memberi kuliah mengenai tema "politik, ekonomi dan budaya di Asia Tenggara" di universiti-universiti di Amerika Syarikat, Australia, Brunei, Belanda, Jerman, Jepun, Sweden, India, Indonesia, Mexico dan Venezuela. Beliau juga banyak menulis, akademik dan populer, dan kini menjadi kolumnis untuk majalah *Dewan Budaya* (DBP) dan *Utusan Malaysia*. Beliau juga sering diwawancara oleh TV3, RTM, NTV7, Radio BBC London, Radio Australia dan Radio International Singapore.

Ada beberapa prinsip penting yang saya pelajari melalui pengalaman ini yang relevan untuk kita semua pertimbangkan dan mungkin juga boleh diamalkan jika sesuai dalam usaha menghayati Adat Papatih di Negeri Sembilan. Hanya melalui penghayatan yang baik barulah kita boleh merangsang keprihatinan yang bermakna dan rasa apresiasi yang tulen lagi mendalam.

Prinsip-prinsip berkenaan adalah seperti berikut dan akan dihuraikan satu persatu selepas ini:

- mengenal sejarah (urutan dan artifak)
- mengenalpasti institusi, struktur dan fungsi
- mengenal proses (konsep dan amalan)
- mengenal pandangan populer
- merumus untuk santapan diri

Oleh itu, kertaskerja ini lebih bersifat 'kertas idea', maksudnya saya tidak akan membentangkan huraian terperinci mengenai AP itu. Maklumat ini sudah banyak ditulis. Yang penting adalah bagaimana hendak mendekati AP melalui pemahaman mengenai pembinaan ilmu pengetahuan mengenainya, masalah memahaminya dan hal-hal lain yang berkait. Untuk memperoleh perincian tentang kandungan AP kita punyai pakar dan ketua-ketua AP di sini yang jauh lebih pakar daripada saya untuk menghuraikannya.

Mengenal sejarah (urutan dan artifak)

Tiada masyarakat yang tiada sejarahnya. Masyarakat yang mengamalkan Adat Papatih (AP) memang terkenal dengan kekayaan sejarahnya. Ada dua aspek dalam pemahaman sejarah ini: pertama, aspek urutan waktu atau kronologi (susunan kejadian mengikut mana dulu mana kemudian), dan kedua, aspek

kebendaan atau artefak yang merupakan tinggalan fizikal (senibina, peralatan simbolik dll.).

Dari segi urutan sejarah perkembangan AP di Negeri Sembilan dan Naning sering dikaitkan dengan Minangkabau. Tidak dinafikan kaitan ini. Memang sudah tersulam halus sehingga sukar untuk dirombak-rongkai begitu saja. Namun pengajian sejarah bukan ilmu pasti. Membina sejarah sesuatu masyarakat melibatkan mengemukakan andaian, mencari bukti, membentuk hubungan antara fakta dan pandangan dan pelbagai kaedah lain.

Dalam memahami sejarah AP pada umumnya terdapat dua mazhab besar yang menjadi kerangka dasar tulisan-tulisan atau pandangan populer mengenai AP di NS, yang dapat kita baca dan dengar sekarang, samada dalam bahasa Melayu/Indonesia atau Inggeris yang pula berbentuk tulisan dan pandangan yang bersifat akademik atau populer.

- Mazhab pertama menganjurkan idea bahawa AP yang diamalkan di NS kini adalah 100% diimport daripada Minangkabau asalnya. Kemudian diubahsuai mengikut sejarah pemerintahan dan keadaan setempat. Biarpun sudah banyak diubahsuai namun intipatinya (*core*) tetap Minang-sentrik.
- Mazhab kedua menganjur pendekatan yang lebih terbuka dan menerima beberapa huraian mengenai asal-usul AP. Dikatakan ada bahagian AP itu berasal daripada Minang dan ada yang tidak. Malah yang datang dari Minang itupun bukan tulen kerana telah diujahkan bahawa, melalui proses migrasi bertahap-tahap (*step migration*), bentuk AP yang dari Minang itu telah melalui proses ubahsuai di beberapa kawasan lain di Sumatra (Siak, Aceh, Dumai, Pekanbaru) sebelum sampai ke NS. Mazhab ini juga menganjurkan bahawa Orang Asli yang bermastautin berkurun di NS ketika datangnya orang Minang sudahpun mengamalkan

sistem nisab ibu, atau matrilineal, yang membuat mereka terbuka kepada suatu sistem matrilineal lain, dalam kes ini, daripada Minangkabau. Itu sebabnya keturunan Suku Biduanda itu yang dikatakan berasal daripada kelompok Orang Asli menjadi suku utama yang memegang tampuk pemerintah di setiap luak adat di NS.

Kedua mazhab ini sangat mempengaruhi kesarjanaan kolonial mengenai sejarah AP lalu menyebabkan wujudnya berpuak-puak di kalangan mereka. Oleh kerana sejarawan Malaysia menggunakan bahan tulisan dan analisis sejarawan kolonial maka mereka pun berpuak-puak dari segi pilihan mazhab.

Misalnya, mazhab yang pertama menegaskan bahawa hubungan langsung dengan Minangkabau terjalin dengan terasasnya sistem monarki di NS yang bergantung kepada calon daripada Minangkabau untuk menjadi Yam Tuan. Mazhab kedua mengatakan ada muslihat di sebalik pemilihan itu dan tidak semestinya calon itu dibawa langsung daripada Minangkabau, besar kemungkinan daripada kawasan lain di Sumatra yang mempunyai ramai orang daripada Minangkabau telah menetap di situ.

Apa yang ingin saya tekankan di sini bahawa interpretasi mengenai sejarah AP di NS cukup menarik dan masih terbuka kepada pelbagai bentuk perdebatan. Namun dengan kehadiran kerajaan kolonial Inggeris sejarah AP, yang dulunya bersifat lisan, telah berubah menjadi sesuatu yang bertulis atau menjadi tekstual. Bukan sahaja perbilangan telah ditekstualkan bahkan dengan pengenalan birokrasi dan sistem perundangan moden, sistem AP, dalam arena pentadbiran dan sistem kewangan moden, telah semacam 'turun pangkat' dan dalam banyak ketika tertakluk kepada perundangna moden, seperti undang-undang Syariah.

Dari segi artifak memang tak banyak tinggalan arkeologi yang dapat diperagakan untuk menghurai dengan terperinci sejarah AP, termasuk kaitannya

dengan Minangkabau. Lagipun tak ada tradisi di kalangan pemerintah dan pimpinan AP tradisional untuk menyimpan artifak dalam arkib atau muzium. Konsep arkib dan muzium adalah konsep kolonial Barat. Maka tinggalan yang mampu disimpan atau masih boleh dilihat hari ini adalah bahan-bahan yang telah dikutip dan disimpan melalui usaha pegawai dan kerajaan kolonial.

Salah satu artifak yang selalu diketengahkan sebagai bukti hubungan tali-menali antara AP, NS dan dengan yang di Minangkabau adalah dari segi senibina. Kebanyakan rumah di NS dikatakan mengikut corak senibina di Minangkabau, dengan bentuk bumbungya berkelok semacam tanduk kerbau, seperti rumah-rumah di Minangkabau. Ada juga yang mengatakan masakan di NS mirip masakan Minangkabau.

Proses difusi budaya memang ada berlaku antara Minangkabau dan NS. Kita pun menerima secara difusi pengaruh Eropah dalam hidup kita. Namun saya juga tidak mahu menindakkan kemampuan orang NS mencipta sesuatu yang asli. Takkanlah semuanya yang berada di NS berasal daripada Minangkabau? Mustahil dan saya dengan konfiden menolak andaian ini.

Bolehlah dirumuskan bahawa sejarah dan sejarawan mengenai AP untuk sekian lamanya telah didominasi oleh keinginan untuk mencari dan membuktikan hubungan antara AP di NS dengan AP di Minangkabau, persis mencari saudara yang hilang (*looking for lost cousins*). Dalam zaman pasca-Merdeka kadang-kadang usaha ini amat ketara kerana keinginan mencari dan mengasaskan keunikan budaya NS yang mungkin didorong oleh tuntutan pasaran, khususnya dalam konteks perkembangan industri pelancongan. Ini mengingatkan saya bagaimana beberapa kelompok kulit putih di Amerika Syarikat pada satu ketika dulu beria-ia sungguh untuk membuktikan hubungan persaudaraan dengan rakyat di United Kingdom untuk memperkukuh kedudukan mereka di negara sendiri berbanding dengan orang kulit putih keturunan Perancis dan Sepanyol.

Dari segi tulisan mengenai AP Rembaulah yang banyak sekali ditulis diikuti oleh Sungai Ujong dan kemudiannya Jelebu. Secara otomotif buku mengenai Rembau menjadi rujukan kebanyakan sejarawan dan penyelidik mengenai AP. Soalnya, adakah Rembau boleh mewakili tradisi AP di seluruh NS? Tentu tidak. Jadi bagaimanakah ketidakseimbangan bahan ini boleh diatasi? Masih belum terjawab.

Mengenalpasti struktur, institusi dan fungsi

Mau tidak mau, dengan kedatangan pemerintah Inggeris segala jawatan pimpinan orang adat telah digezetkan dan masing-masing menerima elaun, biarpun kecil. Ertinya wujud hairaki AP yang telah dibirokrasikan sesuai dengan keadaan yang dialami oleh pentadbiran Syariah.

Dewan Keadilan, yang dipengerusikan oleh Yam Tuan dan dianggotai oleh para Undang dan juga wakil Kerajaan negeri, telah diwujudkan untuk mengendalikan sebaik mungkin perjalanan halehwal pentadbiran AP. Wujud juga mahkamah dan majistret Tanah Adat.

Oleh itu di NS kini wujud tiga institusi formal, Kerajaan negeri, birokrasi AP dan birokrasi Agama, dengan Kerajaan Negeri menjadi payung tadbir kepada keduanya, lagipun dari segi kewangan keduanya tertakluk dibawah kuasa Kerajaan Negeri. Otonomi pentadbiran AP, iaitu dari Undang, Lembaga hinggalah ke Buapak, masih wujud untuk mengurus halehwal yang berkait dengan amalan AP, seperti pemilihan pengganti kepada ketua-ketua adat dan penyelesaian sengketa mengenai proses pemilihan ini jika timbul sengketa sedemikian.

Tetapi ada juga kes-kes yang dibawa ke pengadilan mahkamah sivil, seperti dalam kes di Sungai Ujong dan Jelebu tak berapa lama dulu. Pecat memecat

antara ketua-ketua adat masih berlaku, tetapi ternyata biarpun Kerajaan Negeri tidak campur tangan, dengan tidak campur tangan itu sendiri merupakan satu bentuk campur tangan secara tidak langsung. Kerana tanpa campur tangan, apa saja keputusan pecat-memecat dalam konteks adat, tidak mendatangkan apa-apa perubahan kerana ianya mesti diperaku oleh Dewan Keadilan dan kemudian digezet. Kalau tidak melalui proses perakuan rasmi ini calon pengganti yang dipecat tidak ada kuasa legitemet dan paling penting tak dapat apa-apa ganjaran.

Ertinya, gambaran besar, atau *the big picture*, struktur, institusi dan fungsi formal AP ini perlu diketahui untuk memberikan kita semacam suatu rasa kewujudan atau realiti AP di NS. Kalau tidak kita hanya melihat AP seolah-olah berwajah bumbung-bumbung rumah yang berkelok yang kita perhatikan apabila ke mana-mana di NS. Kita perlu tahu wajah formal ini.

Memang tidak semua orang dapat hadir dalam majlis-majlis rasmi kerajaan di NS yang melibatkan semua pembesar negeri hadir, dari Yam Tuan hinggalah ke Buapak. Kerana ketika itulah protokol AP akan terlaksana. Siapa yang pernah atau berpeluang menghadiri majlis Ulangtahun Kelahiran Yam Tuan, samada di Seri Menanti atau di Seremban, akan dapat melihat semua ini. Ketika inilah AP menunjukkan wajah rasmi dan ideal. Begitu juga ketika 'pertabalan' Yam Tuan, Undang dan lain-lain ketua AP, kita dapat juga melihat wajah yang sama. Tetapi upacara istimewa seperti ini bukan sahaja wujud di NS, berlaku di negeri lain di Malaysia. Cuma di NS ada komponen AP yang jelas dan formal yang harus kita ambil kira.

Di luar negeri pun sama, contohnya di New Zealand. Orang-orang Maori mempunyai struktur pimpinan adatnya yang formal dan informal yang diperaku oleh kerajaan kulit putih New Zealand. Ada rumah-umah adat dan upacara amal yang dilakukan setiap kali kita masuk ke rumah adat tersebut. Begitu juga di Jepun yang diisi oleh ketua adat mereka yang beragama Shinto dan Buddhisme.

Mengenal proses (konsep dan amalan)

Aspek formal AP memang ada dibukukan mungkin ini berguna kepada mereka yang tidak berasal daripada NS. Mungkin buku panduan seperti ini juga diperlukan oleh orang NS yang ingin lebih berjinak dengan lebih dekat mengenai hal-hal seperti ini. Maksudnya, usaha mengenal dinamika proses dalaman dalam sistem AP itu sendiri, formal dan informal, sangat diperlukan. Usaha ini menyentuh soal penyebaran maklumat mengenai AP yang mesti dilakukan untuk masyarakat umum; daripada sekolah hinggalah kesemua pejabat kerajaan dan swasta. Selanjutnya usaha ini mesti dijalankan dengan secara berterusan tanpa menunggu Majlis seperti hari ini diadakan.

Seperti yang saya nyatakan sebelum ini proses formal itu boleh dilihat dan difahami melalui kegiatan-kegiatan formal. Tetapi proses amalan AP, yang kebanyakannya bersifat informal, maksudnya tanpa dilakukan secara-besaran di peringkat ketua adat, itulah yang jarang diketemu oleh orang luar ataupun oleh mereka yang tergolong dalam sistem AP sendiri. Jadi kadang-kadang AP perpatih ini pada kebanyakan orang dirasakan tetapi tak dapat dilihat, “seperti si bisu bermimpi, terasa ada terkata tidak.”

Memang kegiatan ini ada dilakukan, soalnya bila, dimana dan bagaimana. Di majlis perkahwinan pun kadang-kadang unsur-unsur AP ini tidak jelas dilihat dan dirasakan oleh kebanyakan orang, termasuk si mempelai, apatah lagi kalau berlangsung di Ballroom, Hotel Hilton. Upacara merisik dan meminang sebelum majlis perkahwinan memang berlaku dan tersulam didalamnya amalan-amalan AP, tetapi ini bukan satu kegiatan terbuka. Malah ini merupakan kegiatan yang sangat pribadi dan hanya diketahui oleh ahli-ahli keluarga dan mereka yang terlibat secara langsung.

Maka wajah umum dan khusus (*public and private image*) AP memang sukar dikesan kalau kita tidak bersua bersemuka dengannya. Inilah yang menimbulkan masalah bukan sahaja di kalangan orang luar tetapi juga di kalangan pengamal AP sendiri. Apatah lagi ketua-ketua AP ini tidak mempunyai satu-satu tanda formal, seperti pakaian seragam dan sepertinya untuk kita semua tahu bahawa AP itu hidup dan berfungsi. Dulu pegawai kerajaan, sekarang Undang. Pada orang awam kita hanya kenal Undang melalui kereta besarnya yang berlabel Undang dengan nombor khas.

Bagaimana kita nak kenal dan bertemu dengan sesaorang Lembaga atau Buapak? Apatah lagi tidak ada upacara rasmi tahunan atau mesyuarat bulanan, seperti JKKK, para Lembaga di Undang Luak Johol, Rembau dan selainnya. Untuk mengenal mereka ini memerlukan inisiatif di pihak yang berwajib mengenai AP untuk menganjurkannya, semacam kempen publisiti, guna memberi orang awam dan pegawai kerajaan dan swasta meletakkan wajah kepada sesuatu pemegang jawatan AP itu. Mungkin adanya Majlis seperti ini akan memenuhi sebahagian daripada keperluan itu. Kita mesti sama-sama memikirkan apakah langkah lain yang berkesan untuk melakukan hal ini, justru memperkenalkan AP.

Konsep 'pendidikan AP' perlu kita susun secara sistematis untuk diberitahu kepada umum mengenai proses AP itu sendiri, iaitu dari segi konsep dan amalan. Kandungan 'pendidikan AP' ini mesti difikirkan serius oleh para pakar dan pengamal. Audien sasaran terpenting adalah generasi muda, seperti murid sekolah dan belia serta beliawanis. Orang luar yang bertugas di sektor awam dan swasta pun turut memerlukan 'pendidikan' ini. Cuma kita kena fikirkan cara yang sesuai. Sudahkah kita fikirkan dengan mendalam tentang idea 'pendidikan AP' ini? Rasanya belum.

Menilai pandangan populer

Apa yang kita selalu berdepan adalah pandangan popular tentang AP. Dari satu segi pandangan popular ini timbul dalam bentuk stereotaip, atau persepsi negatif. Pandangan-pandangan sebahagian besarnya tersebar secara lisan dan kadang-kadang tulisan.

Misalnya, kita selalu dengar tentang masalah tanah terbiar. Tanah pesaka AP selalu disebut-sebut sebagai tanah yang bermasalah. Tentunya Kerajaan Negeri telah mencuba pelbagai pendekatan untuk menyelesaikan masalah ini, namun dalam hal ini imej tanah pesaka ini adalah imej negatif justru AP itu bermasalah dari segi ekonomi.

Dikalangan mereka di luar AP ada stereotaip yang mengatakan bahawa perempuan NS *queen control* dan seboleh mungkin elakkan berkahwin dengan mereka kerana AP itu memberi kuasa kepada perempuan. Kepada mereka yang terlibat dalam gerakan feminis ada yang menganggap AP telah memartabatkan kedudukan wanita. Dikalangan pihak lelaki pula yang sering kita dengar adalah jenaka 'masuk suku'.

Wujudnya imej popular tentang AP yang seperti ini tidak dapat kita elakkan seperti juga 'orang Kelantan dengan budunya', 'orang Jawa dengan tempe dan kopi pahitnya', 'orang Perak dengan tempoyaknya'. Begitu juga bila kita bercerita tentang kaum etnik lain di Malaysia, sarat dengan kisah stereotaip ini. Malah ada dibukukan pula senarai stereotaip ini sebagai jenaka.

Pada hemat saya kita tidak dapat berbuat apa untuk mengikis stereotaip seperti ini. Ianya akan terus hidup dan disebarkan dari generasi ke generasi melalui pelbagai saluran: lisan, tulisan malah Internet pun. Sememangnya menjadi watak masyarakat di seluruh dunia umumnya menggunakan stereotaip sebagai 'sempadan sosial' untuk membezakan "kita" dengan "mereka."

Sebab itulah 'pendidikan AP' menjadi satu tindakan imperatif untuk menangani masalah stereotaip. Apakah kita perlu menggunakan Teknologi Maklumat, seperti membina pangkalan data atau laman web mengenai hal ini? Terpulanglah kepada Kerajaan Negeri, pimpinan AP dan mereka yang pakar dalam AP untuk memikirkan hal ini dengan mendalam dan mencari jalan keluar dan mengatur tindakan yang berkesan.

Merumus untuk santapan komuniti dan diri:

Ke arah membina "Pendidikan AP"

Kembali kita kepada pepatah Melayu yang selalu bermain dibibir kita, iaitu, "tak kenal, maka tak cinta."

Dalam konteks membina keprihatinan terhadap AP ianya mesti didahului oleh pemahaman. Untuk membina pemahaman ini ia mesti diisi oleh maklumat dan pengetahuan. Untuk memastikan pengetahuan ini lengkap ia mesti difikir, diperinci dan disusun oleh mereka yang tahu. Cuma kadang-kadang kita perlu juga bertanya kepada para pengamal dan bukan pengamal AP apa yang mereka tahu dan tak tahu tentang AP. Ini akan memudahkan kerja mereka yang berpengetahuan atau para pakar AP menyusun apa yang perlu dihurai dalam maklumat yang ingin disebar kepada umum mengenai AP, samada dalam bentuk kempen dan promosi biasa atau yang lebih mampan dalam bentuk satu skema 'pendidikan AP.'

Dengan segala pengetahuan ini ianya tidak menjamin proses menghayatinya akan menjadi lebih mudah kerana minat terhadap AP itu tidak selalu dan selamanyanya kental dan tajam. Turun-naik minat ini juga mempengaruhi keadaan. Kalau diberikan secara bertubi-tubi mungkin menimbulkan bosan pula. Maka

perlu digabungkan langkah besar dengan ikhtiar kecil-kecilan kerana sasaran kita tidak homogen, malah cukup terfragmen dan terpisah-pisah.

Sebagai penutup, sekali lagi saya ingin menggesa untuk kita sama-sama memikirkan dengan serius tentang konsep “pendidikan AP” ini serta kandungannya dan bagaimana hendak dilaksanakan kerana ia akan mengesankan komuniti dan diri individu tentang AP, samada untuk mereka yang tinggal di dalam atau luar NS.